

JABATAN
PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14 BANGUNAN
UMBC.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR.

11hb. Oktober, 1974.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 16 TAHUN 1974

Tuan,

**Pembayaran gaji pendahuluan bagi Pekerja-
pekerja Badan-badan Berkanun dan
Kuasa-kuasa Tempatan**

Adalah difahamkan bahawa terdapat beberapa kesatuan Pekerja-pekerja dalam Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang mengemukakan permohonan supaya pihak-pihak berkuasa Badan-badan Berkanun dan kuasa-kuasa Tempatan membayar kepada pekerja-pekerjanya dengan gaji pendahuluan berjumlah 1 1/2 bulan gaji sementara menunggu perlaksanaan tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan Suruhanjaya Gaji Harun bagi pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

2. Perkara ini telah pun ditimbangkan dan Jabatan ini berpendapat bahawa pertimbangan pembayaran pendahuluan tersebut hendaklah dibuat diatas budi bicara pihak-pihak berkuasa Badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa Tempatan. Walau bagimana pun, jika pihak-pihak yang berkenaan bersetuju untuk membuat pembayaran pendahuluan tersebut ianya hendaklah dibuat dengan syarat bahawa pekerja-pekerja menerima tawaran-tawaran tanggagaji Harun, dan pekerja-pekerja hendaklah membuat perakuan bertulis bahawa jika sekiranya mereka tidak memilih tanggagaji Harun atau jika sekiranya wang tunggakan yang mereka terima kemudian adalah kurang daripada apa yang telah diberikan kepada mereka sebagai wang pendahuluan maka mereka hendaklah memulangkan kembali wang yang telah mereka terima tersebut, atau jumlah perbezaan di antara wang pendahuluan yang mereka terima dengan jumlah tunggakan mereka.

Saya yang menurut perintah,

(S. VELOO)

Bahagian Gaji,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam,

Malaysia.

Semua Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua-ketua Jabatan.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Akauntan Negara, Malaysia, Kuala Lumpur.

s.k. Semua Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

s.k. Fail No. JPA.SULIT 4270/A/Jld.II